

Pembanggang Seperti Cacing Kepanasan Adakan Perhimpunan 3 Nov - Dr Mohd Puad Bernama
4 Oktober, 2012

KUALA TERENGGANU, 4 Okt (Bernama) -- Pembanggang kini seperti cacing kepanasan apabila melihat rakyat gembira dengan apa yang dijanjikan Belanjawan 2013, oleh itu cuba mengalih perhatian dengan perhimpunan 3 Nov, kata anggota Majlis Tertinggi Umno Dr Mohd Puad Zarkashi.

"Mereka cuba mengalih pandangan rakyat daripada belanjawan yang menggembirakan mereka itu," kata Timbalan Menteri Pelajaran itu kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Keibubapaan dalam Menangani Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT) peringkat negeri Terengganu di Stadium Negeri pada Khamis.

Timbalan Presiden PAS Mohamad Sabu semalam mengumumkan Pakatan pembanggang (PR) akan menganjurkan Himpunan Kebangkitan Umat di Stadium Nasional Bukit Jalil pada 3 Nov bagi menyatakan pendirian berkenaan lapan tuntutan Bersih 2.0.

Menurut pembanggang, perhimpunan itu bagi meneruskan tuntutan lapan perkara di bawah Bersih 2.0, yang tidak mendapat maklum balas kerajaan dan semakin dilupai, katanya .

"Mereka ini sudah tidak boleh menutup kelemahan seperti pendedahan isu Talam dan penggunaan jet peribadi yang dibangkitkan. Mereka tidak boleh nak jawab. Maka, apa yang mereka boleh buat nak menutup pendedahan demi pendedahan ini ialah dengan mengadakanlah perhimpunan seperti itu.

"Sebab itulah, mereka menggunakan perhimpunan 3 Nov ini dan dengannya terbukti Bersih 3.0 gagal menarik sokongan rakyat," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=699570>

